

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]

TARIKH : 14 OKTOBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status keselamatan, sosial dan ekonomi negara setakat ini dan dengan itu adakah negara kita dapat mencapai status negara maju sebelum atau menjelang Tahun 2020.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Penunjuk-penunjuk sosio-ekonomi semasa menunjukkan persekitaran dan asas ekonomi negara semakin kukuh dan lebih stabil. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang amat memberangsangkan pada kadar 6.3 peratus pada separuh pertama 2014 membuktikan keberkesanan pelaksanaan pelbagai strategi pembangunan sosio-ekonomi negara. Selain itu, kadar pengangguran, inflasi, defisit fiskal dan hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terkawal dengan kadar tukaran asing yang stabil. Kerajaan juga mempunyai rizab antarabangsa yang mencukupi untuk membiayai keperluan di luar jangka. Selain itu, pertumbuhan eksport dan import juga amat menggalakkan yang seterusnya mencerminkan prospek sektor luaran yang lebih cerah.

Taraf hidup rakyat juga bertambah baik seperti yang ditunjukkan melalui peningkatan pendapatan purata bulanan isi rumah kepada RM5,919 dan pendapatan median isi rumah sebanyak RM4,258 pada tahun 2014 berdasarkan kepada anggaran awal. Manakala pendapatan per kapita meningkat kepada RM31,845 (USD10,106) pada tahun 2013. Kemiskinan juga telah berjaya dikurangkan dengan ketara dengan anggaran kadar kemiskinan berada pada tahap 1.0% pada tahun ini.

Selain itu, pencapaian pendidikan rakyat juga semakin baik. Kadar penyertaan di semua peringkat pendidikan yang semakin meningkat menunjukkan penyediaan peluang pendidikan yang mencukupi untuk semua lapisan rakyat. Lebih 95.0 peratus lapisan rakyat dapat menguasai kemahiran membaca, mengira dan menulis. Peningkatan pencapaian pelajar dalam peperiksaan UPSR dan SPM serta peratusan pelajar yang menamatkan pendidikan rendah dan menengah pula mencerminkan kualiti sistem pendidikan negara yang lebih baik.

Tahap keselamatan awam di Malaysia juga semakin bertambah baik berdasarkan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2012. Misalnya, kadar jenayah mencatatkan penurunan daripada 7.7 kes yang dilaporkan bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2000 kepada 6.0 kes pada tahun 2012. Selain itu, berdasarkan laporan *Global Peace Index* atau GPI 2014 oleh *The Institute for Economics and Peace*, Malaysia menduduki tangga ke-33 negara paling aman di dunia daripada 162 negara. Malah, Malaysia sentiasa dikategorikan sebagai negara yang mempunyai tahap keamanan yang tinggi atau *High State of Peace*, dengan izin, dalam GPI sejak tahun 2008 hingga 2014.

Oleh itu, secara keseluruhannya Malaysia berada di landasan yang kukuh untuk mencapai matlamat menjadi negara maju bukan sahaja dari aspek ekonomi tetapi juga aspek sosial, keselamatan dan kualiti hidup. Malah, Malaysia dijangka mencapai status negara maju dengan pendapatan per kapita sekurang-kurangnya RM46,500 (USD15,000) lebih awal dari yang disasarkan pada 2020. Kerajaan pastinya akan sentiasa mengambil langkah-langkah yang bersesuaian dari masa ke semasa demi melonjakkan lagi pertumbuhan ekonomi

serta mengekalkan keamanan dan kestabilan negara demi meningkatkan lagi tahap kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.